

## **Kegiatan Ko-Kurikulum Di Sekolah Dan Kesannya Kepada Pembentukan Akhlak Murid**

***Syaza Binti Mohd Sabri\* & Asmawati Binti Suhid***

*Universiti Putra Malaysia*

*syaza\_sms89@yahoo.com\**

### **ABSTRACT**

Moral problems increasingly among students nowadays. School became the most important institution after family in formation of this character and this is clearly stated in the National Education Philosophy. Besides curriculum, co-curricular activities is also important in shaping the moral character among students. Although it has a lot of skills, values and morals often say in the implementation of co-curricular activities in schools but there is deterioration of human values, moral values and moral values is more widespread nowadays. This paper aims to discuss the extent of the shaping of moral values in co-curricular activities in schools today and in producing a balanced, integrated and holistic human. About 50 respondents were involved. The results showed that students' perceptions in shaping of moral values in co-curricular activities at the school is very good, the attitude of students in co-curricular activities are also very positive and students agreed that teachers had played an important role in the forming of character during co-curricular activities.

### **ABSTRAK**

Permasalahan akhlak dewasa kini sering menjadi semakin ketara dalam kalangan murid sekolah. Sekolah menjadi institusi terpenting selepas keluarga dalam pembentukan akhlak ini dan ini jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain daripada kurikulum, aktiviti ko-kurikulum juga dilihat sangat penting bagi membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan murid sekolah. Walaupun telah banyak kemahiran, nilai dan akhlak sering di perkatakan dalam pelaksanaan ko-kurikulum di sekolah tetapi masih terdapat kemerosotan nilai kemanusiaan, nilai akhlak dan nilai moral pada masa kini yang semakin berleluasa. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan tahap pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah pada hari ini selari dengan matlamat pendidikan dalam melahirkan manusia yang seimbang, sepadu dan holistik. Seramai 50 orang responden telah terlibat. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi murid pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah sangat baik, begitu juga dengan sikap murid terhadap aktiviti ko-kurikulum di sekolah sangat positif dan juga murid bersetuju bahawa guru mereka sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak ketika aktiviti ko-kurikulum dijalankan.

Kata kunci: Nilai akhlak, aktiviti ko-kurikulum.

### **PENDAHULUAN**

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di dalam sesebuah negara merupakan wadah untuk mendidik anak bangsa agar menjadi insan yang berjaya dan mengenali budaya serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan negara. Bagi menghasilkan satu sistem pendidikan yang seimbang dan sempurna, maka penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu aspek kurikulum dan ko-kurikulum perlu dititikberatkan.

Kini, ko-kurikulum telah menjadi keutamaan dalam sistem pendidikan di semua peringkat. Dengan kata lain, aktiviti ko-kurikulum memainkan peranan penting dalam proses pendidikan. Penglibatan murid sebagai generasi muda dan rakyat di negara ini dalam aktiviti ko-kurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan menyemai nilai-nilai murni secara langsung

dan tidak langsung semasa menyertai aktiviti tersebut. Namun begitu, masih terdapat sebilangan murid dan ibu bapa yang menganggap ko-kurikulum ini adalah bukan berbentuk akademik dan kegiatan ini tidak diberi penilaian atau gred seperti kurikulum yang berbentuk akademik dan mengutamakan sifat-sifat kognitif. Oleh yang demikian, kebanyakan ibu bapa enggan menggalakkan anak-anak mereka menceburi kegiatan kokurikulum dan sebaliknya menggunakan masa itu untuk anak mereka ke kelas tambahan, muzik dan membuat kerja sekolah.

Kajian oleh Holland dan Andre dalam Yusnizam (2008) mendapati, penglibatan dalam ko-kurikulum menggalakkan perkembangan keseluruhan individu murid. Ia juga memudahkan pencapaian matlamat akademik dan bukan akademik. Ko-kurikulum berupaya menghasilkan kesan positif seperti membentuk keupayaan mengawal kehidupan sendiri, aspirasi pendidikan yang tinggi dan mengurangkan masalah keciciran. Malah penglibatan murid dalam aktiviti ko-kurikulum amat berguna untuk pembentukan sahsiah, mengisi masa lapang dengan pengetahuan berfaedah, menimba pengalaman dan mengelakkan diri dari terjebak dalam masalah gejala sosial seperti melepak, penyalahgunaan dadah dan gangsterisme (Omardin, 1996; Esa Abd Samad, 1998).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Realitinya, kepentingan pendidikan akhlak telahpun diakui oleh semua golongan lapisan masyarakat sejak zaman Greek lagi. Justeru, sekolah adalah institusi terpenting dalam memupuk akhlak mulia dan juga membangunkan insan yang berakhlak kerana sekolah itu sendiri adalah sarat nilai dan guru merupakan agen moral (Asmawati Suhid 2005). Greenland & Robinson (1980), misalnya, menyatakan bahawa pendidikan akhlak dan moral telah muncul sebagai satu disiplin dalam pengajian pendidikan atau sekolah.

Di Malaysia, usaha memupuk dan mendidik nilai yang mulia telah lama dilaksanakan menerusi sistem pendidikan dengan cara yang pelbagai. Pemupukan nilai-nilai mulia dilakukan secara langsung kepada murid-murid termasuklah dalam aktiviti ko-kurikulum. Namun begitu, masih terdapat pelbagai masalah terutama dari segi akhlak dalam kalangan remaja pada hari ini. Oleh itu, kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenalpasti tahap pembentukan akhlak murid dalam aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan di sekolah.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah**

Ko-kurikulum adalah kegiatan berkumpul di mana kegiatan yang dirancang merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah. Ia adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan membentuk generasi yang seimbang (Suhara & Jamil, 2010).

Menurut Suhara & Jamil (2010), ko-kurikulum memainkan peranan penting dalam pendidikan. Antaranya ialah dalam usaha pemupukan sahsiah dan pembentukan perpaduan. Penyertaan murid sebagai generasi muda dalam ko-kurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan menyemai nilai yang murni sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa menyertai aktiviti-aktiviti tersebut.

Selain itu, penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum juga mampu meningkatkan tahap disiplin murid. Berdasarkan beberapa kajian seperti J.M. Stuber, (2009) dan R. Iucu, & M. Platis (2012), didapati bahawa aktiviti ko-kurikulum membuatkan murid lebih bermotivasi dan berupaya mengurangkan masalah disiplin ke tahap yang minima. Namun, kerjasama semua pihak amat penting dalam menjayakan usaha ini.

Penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum di alam persekolahan bermula dari tahun tiga di peringkat sekolah rendah hingga tingkatan enam di peringkat menengah. Murid digalakkan terlibat secara aktif dalam ko-kurikulum yang diceburi bagi memperoleh faedahnya. Penglibatan murid dalam ko-kurikulum bermaksud keaktifan murid mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di sekolah termasuklah aktiviti sukan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini telah melancarkan dasar 1 Murid 1 Sukan (1M1S) di mana diwajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Setiap murid akan terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan sekolah sepanjang tahun. Penyertaan murid dalam aktiviti ini sangat penting sebagai satu landasan mendokong aspirasi 1 Malaysia yang sihat, dinamik dan bersepadu sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berbahagia Perdana Menteri Malaysia.

Merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2007, bagi murid tahun tiga dan tahun empat, mereka perlu terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah sekurang-kurangnya selama 60 minit seminggu manakala murid tahun 5 dan 6 perlu terlibat selama 120 minit seminggu. Bagi peringkat sekolah menengah pula, peruntukan masa penglibatan mereka lebih panjang iaitu antara 120 minit hingga 180 minit seminggu. Peruntukan masa tersebut merangkumi penglibatan murid dalam aktiviti persatuan, kelab, permainan, sukan dan pasukan badan beruniform yang disertai. Konsep pelaksanaannya adalah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa unsur diskriminasi atau paksaan tetapi berfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi dalam kalangan murid.

### **Pembentukan Nilai Akhlak Dalam Aktiviti Ko-Kurikulum**

Pembentukan nilai akhlak dan nilai-nilai yang murni diberi penekanan bukan sahaja melalui kurikulum mata pelajaran malah aktiviti ko-kurikulum. Di sekolah, pembentukan nilai murni boleh disepadukan melalui pertuturan, teladan, kontekstual, perlakuan, isyarat, interpretasi dan kefahaman.

Menurut Asmawati Suhid (2009), sumber utama bagi akhlak dalam Islam ialah wahyu dari Allah iaitu Al-Quran dan hadith. Kedua-duanya membentuk sesuatu konsep serta memelihara akhlak manusia dalam kehidupan seharian. Al-Quran telahpun mengajarkan manusia bagaimana sepatutnya bertindak dengan cara yang betul dan berakhlak mulia. Al-Quran juga merupakan sumber utama dalam menentukan nilai-nilai akhlak dalam kehidupan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah mengariskan 16 nilai-nilai murni yang perlu diserapkan dalam peribadi murid bagi melahirkan warganegara yang harmonis iaitu rasional, kebebasan, berhemah tinggi, kesederhanaan, kebersihan, adil, berani, tolong-menolong, bersyukur, jujur, baik hati, kerjasama, berdikari, kasih sayang, hormat-menghormati dan rajin. Justeru, penglibatan murid dalam ko-kurikulum perlu dipertingkatkan agar dapat menanam nilai akhlak yang baik serta nilai-nilai murni ini melalui kesedaran terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017. Ia digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan pendidikan antarabangsa. Transformasi kurikulum telah berlaku di mana

pendidikan lebih menekankan pembelajaran abad ke-21. Menerusi matapelajaran Pendidikan Islam, terdapat satu bahagian atau komponen yang dinamakan sebagai Adab dan Akhlak Islamiah (AAI). Dari sudut strukturnya, kandungan dalam komponen AAI berteraskan kepada empat aspek hubungan iaitu hubungan diri sendiri, individu lain, alam sekitar dan negara serta Rasul dan Pencipta. Berdasarkan ciri kandungan AAI di dalam KSSM ini ia kelihatan mampu untuk membentuk murid yang boleh mengharungi cabaran nilai-nilai dari luar menerusi iman dan taqwa yang mantap dan mengaplikasikan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah.

Penglibatan murid dalam aktiviti ko-kurikulum amat penting dan berguna untuk membentuk sahsiah, mengisi masa lapang dengan pengetahuan berfaedah, menimba pengalaman dan mengelakkan diri dari terjebak dalam masalah gejala sosial seperti melepak, penyalahgunaan dadah dan gangsterisme (Omardin, 1996 & Esa Abd Samad, 1998).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

1. Persepsi murid tentang pembentukan nilai akhlak dalam ko-kurikulum di sekolah.
2. Sikap murid terhadap aktiviti ko-kurikulum di sekolah.
3. Peranan guru dalam pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian meliputi reka bentuk kajian yang digunakan, populasi dan persempelan, instrumen kajian dan jenis analisis data. Ia boleh membantu memberikan gambaran tentang kekuatan dapatan yang dikemukakan oleh sesebuah kajian.

### **Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian adalah satu struktur asas dalam sesuatu kajian. Ia merupakan satu bentuk strategi yang sistematik bagi menjalankan penyelidikan. Melalui reka bentuk kajian, seseorang pengkaji boleh mendapatkan jawapan kepada semua persoalan secara lebih objektif, lebih tepat, boleh dipercayai dan lebih ekonomik (Kerlinger, 1986). Kajian ini merupakan kajian kes dan menggunakan pendekatan kuantitatif. Rekabentuk ini dirasakan sesuai untuk memberikan gambaran komprehensif bagi pembolehubah yang dikaji iaitu tahap pembentukan nilai murni dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah.

### **Populasi dan Persempelan**

Sampel kajian terdiri daripada 50 orang murid di Sekolah Menengah Sains Tapah, Perak. Responden dipilih secara rawak mudah yang terdiri daripada murid-murid tingkatan 3. Ini bertujuan untuk mengetahui persepsi murid terhadap tahap pembentukan nilai akhlak dan nilai murni dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah, sikap murid terhadap aktiviti ko-kurikulum, sikap guru dalam pembentukan nilai akhlak dan moral dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah dan kepentingannya kepada murid.

### **Instrumen Kajian**

Satu set soal selidik akan digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada murid-murid Sekolah Menengah Sains Tapah, Perak. Soal selidik merangkumi dua bahagian iaitu profil responden seperti jantina dan tahap persetujuan mengenai pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum di sekolah mampu melahirkan nilai akhlak mulia atau pun tidak manakala bahagian kedua pula adalah berkaitan

dengan kesan pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah, sikap murid terhadap aktiviti ko-kurikulum dan peranan guru dalam pembentukan nilai akhlak dan moral dalam aktiviti ko-kurikulum dan kepentingan ko-kurikulum kepada murid sekolah.

### Analisis Data

Bagi menganalisis data berkaitan pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah, analisis statistik deskriptif yang melibatkan pengiraan peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi mengetahui tahap pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Data-data yang diperolehi melalui kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS for Windows (IBM SPSS 21).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Demografi Responden

Jadual 1 : Demografi Murid

		f	%
Jantina	Lelaki	21	42
	Perempuan	29	58
	<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100.0</b>
Persetujuan mengenai pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum di sekolah mampu melahirkan nilai akhlak mulia	Setuju	46	92
	Tidak Setuju	4	8
	<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan jadual 1, responden terdiri daripada 50 orang yang keseluruhannya berbangsa melayu dan beragama Islam telah terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 21 orang murid lelaki (42.0%) dan 29 orang murid perempuan (58.0%).

Majoriti daripada responden bersetuju bahawa pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum di sekolah mampu melahirkan nilai akhlak mulia. Didapati seramai 46 orang (92.0%) bersetuju manakala hanya 4 orang (24.0%) sahaja yang tidak bersetuju bahawa pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum di sekolah mampu melahirkan nilai akhlak mulia.

### Pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum menurut persepsi murid.

Berdasarkan jadual 2 di bawah, didapati bahawa pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah yang berlaku adalah berada di tahap yang tinggi. Ini kerana nilai min yang diperolehi menunjukkan rata-rata berada di antara 4.00-5.00. Nilai akhlak didapati diterap dalam aktiviti ko-kurikulum misalnya pada item 'aktiviti ko-kurikulum dapat mengelakkan diri dari terjebak masalah gejala sosial seperti melepak, penyalahgunaan dadah dan gangsterisme, (min= 4.52, SP= .677), 'aktiviti ko-kurikulum dapat menggalakkan semangat berkumpulan, bekerjasama dan menghormati peraturan' (min= 4.42, SP= .575), dan 'aktiviti ko-kurikulum dapat mengurangkan masalah salah laku seperti merokok, minum arak, menghisap dadah dan melepak' (min= 4.36, SP= .693). Jelas daripada dapatan ini menunjukkan majoriti murid-murid memberikan respon bahawa kesan pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah dapat mengelakkan diri daripada terjebak masalah gejala sosial.

**Jadual 2** : Kesan pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah

Bil	Item/Pertanyaan	Min	SP
1	Aktiviti ko-kurikulum dapat menyemai kesedaran kepada agama dan kepercayaan kepada tuhan	3.60	.808
2	Aktiviti ko-kurikulum amat berguna untuk pembentukan sahsiah, akhlak dan mengisi masa lapang	4.36	.631
3	Aktiviti ko-kurikulum dapat mengelakkan diri dari terjebak masalah gejala sosial seperti melepak, penyalahgunaan dadah dan gangsterisme	4.52	.677
4	Aktiviti ko-kurikulum dapat mengurangkan masalah jenayah	4.26	.751
5	Aktiviti ko-kurikulum dapat melahirkan nilai-nilai murni seperti berakhlak mulia, berdisiplin, tolong menolong dan sebagainya.	4.20	.700
6	Aktiviti ko-kurikulum dapat mengurangkan masalah salah laku seperti merokok, minum arak, menghisap dadah dan melepak.	4.36	.693
7	Aktiviti ko-kurikulum dapat menggalakkan semangat berkumpulan, bekerjasama dan menghormati peraturan.	4.42	.575
8	Aktiviti ko-kurikulum dapat menerapkan nilai murni dan akhlak terpuji murid-murid	4.04	.832
9	Aktiviti ko-kurikulum lebih menekankan nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sosial	4.08	.966
10	Aktiviti ko-kurikulum memberi kesan positif kepada murid-murid	4.22	.616

Penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum juga dilihat dapat mengisi masa lapang murid. Mereka dapat berkumpul dengan rakan-rakan dan melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah. Justeru, masa lapang murid tidak terbuang dengan perkara yang sia-sia. Hal ini seterusnya memupuk nilai akhlak yang murni serta dapat mengelakkan murid terjerumus dalam gejala sosial seperti melepak, merokok dan sebagainya. Ko-kurikulum dikatakan sebagai satu platform yang boleh membentuk remaja, mengembangkan bakat dan kemahiran insaniah mereka sekaligus mengelak diri dari terjebak gejala sosial. Pernyataan ini disokong oleh Chin Pek Lian et al., (2005) yang mengatakan ko-kurikulum dapat memberikan banyak manfaat dan kepentingan kepada murid.

### **Sikap Murid Terhadap Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah**

Berdasarkan jadual 3 dibawah, sikap murid terhadap aktiviti ko-kurikulum juga berada pada tahap yang sederhana tinggi. Ini kerana nilai min yang diperolehi rata-rata menunjukkan nilai min antara 3.00-5.00. Sikap murid didapati sangat positif terhadap aktiviti ko-kurikulum misalnya aktiviti ko-kurikulum 'dapat mewujudkan budaya sekolah yang sihat dan cemerlang' (min= 4.26, SP= .565), 'mengurangkan masalah disiplin saya' (min= 4.00, SP= .1.107). Menerusi aktiviti ko-kurikulum juga, murid-murid dapat memupuk nilai positif dalam diri mereka (min= 4.14, SP= 1.069).

**Jadual 3** : Persepsi Murid Terhadap Sikap Mereka Dalam Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah

Bil	Item/Pertanyaan	Min	SP
1	Ko-kurikulum memberi banyak pengalaman kepada saya dalam pembentukan disiplin dan berakhlak mulia.	3.96	.903
2	Ko-kurikulum sangat menyeronokkan	3.74	1.139
3	Ko-kurikulum mengurangkan masalah disiplin saya apabila membabitkan diri secara aktif dengan pasukan badan beruniform dan persatuan	4.00	1.107
4	Ko-kurikulum memupuk nilai positif dalam diri saya seperti berdisiplin, bertanggungjawab, dan sebagainya	4.14	1.069
5	Ko-kurikulum sangat penting	3.90	.678
6	Ko-kurikulum membolehkan saya berkhidmat kepada masyarakat	3.98	.820
7	Ko-kurikulum dapat mewujudkan budaya sekolah yang sihat dan cemerlang	4.26	.565
8	Ko-kurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, toleransi dan integrasi nasional.	4.14	.990
9	Ko-kurikulum membuatkan hidup saya lebih bermakna dan bernilai	3.84	.995
10	Ko-kurikulum dapat mengukuhkan perpaduan dan kerjasama antara saya dan rakan-rakan	4.32	.683

Pengkaji amat tertarik apabila ramai murid (min= 3.84, SP= .995) menyatakan bahawa hidup mereka lebih bermakna dan bernilai dengan adanya ko-kurikulum ini. Begitu juga dengan kepentingan aktiviti ini. Ramai yang menyatakan ko-kurikulum sangat penting bagi mereka (min= 3.90, SP= .678).

Hal ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Petro Marais (2011) ke atas 51 orang murid tahun empat dalam bidang perguruan di UNISA, Republic of South Africa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti ko-kurikulum boleh menyumbang kepada pembentukan murid secara holistik, aktiviti ko-kurikulum boleh meransang deria murid mengikut perkembangan mereka, aktiviti ko-kurikulum boleh meningkatkan kepercayaan diri dan kepercayaan sendiri serta merasakan diri mereka bernilai. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan aktiviti ko-kurikulum dapat membantu murid untuk membina kemahiran diri serta dapat memberikan tenaga yang positif, membentuk remaja untuk tidak mudah berputus asa serta boleh mengelakkan murid dari terjerumus dalam keruntuhan moral.

#### **Peranan Guru Dalam Pembentukan Nilai Akhlak Dan Moral Dalam Aktiviti Ko-kurikulum**

Berdasarkan jadual 4 dibawah pula, didapati guru sangat berperanan dalam menerapkan akhlak mulia dalam aktiviti ko-kurikulum. Ini kerana nilai min yang diperoleh menunjukkan rata-rata berada antara 4.00-5.00. Guru-guru didapati sangat memainkan peranan dalam pembentukan nilai akhlak misalnya guru 'menggalakkan sikap toleransi dan semangat berpasukan semasa aktiviti ko-kurikulum' (min= 4.44, SP= .675), 'memiliki sifat dan akhlak yang mulia untuk diteladani dan dicontohi' (min= 4.36, SP= .598) dan 'sangat disegani dan disayangi murid yang lain' (min= 4.30, SP= .735). Majoriti murid-murid juga bersetuju bahawa guru sangat mementingkan nilai adab dan akhlak (min= 4.26, SP= .876) semasa aktiviti ko-kurikulum dijalankan.

**Jadual 4** :Peranan guru dalam pembentukan nilai akhlak dan moral dalam aktiviti ko-kurikulum

Bil	Item/Pertanyaan	Min	SP
1	Guru saya memiliki sifat dan akhlak yang mulia untuk diteladani dan dicontohi	4.36	.598
2	Guru saya sangat disegani dan disayangi murid yang lain	4.30	.735
3	Guru saya selalu berpesan agar amanah, menepati masa dan sebagainya ketika menjalankan tugas dalam sebarang aktiviti ko-kurikulum	4.20	.881
4	Guru saya sangat mengambil berat soal akhlak dan tingkahlaku saya dan rakan-rakan yang lain	4.10	.814
5	Guru saya menggalakkan sikap toleransi dan semangat berpasukan semasa aktiviti ko-kurikulum	4.44	.675
6	Guru saya menerapkan nilai kepimpinan kepada saya melalui aktiviti persatuan, unit beruniform dan sebagainya	4.24	.771
7	Guru saya ikhlas dan memainkan peranan yang baik semasa aktiviti ko-kurikulum dijalankan	4.30	.647
8	Guru saya mementingkan adab dan akhlak	4.26	.876
9	Guru saya selalu hadir dan bersama-sama murid yang lain semasa aktiviti ko-kurikulum dijalankan	4.06	.843
10	Guru saya merasakan aktiviti ko-kurikulum sangat bermanfaat kepada murid-murid	4.28	.640

Tugas dan tanggungjawab guru apabila dilakukan dengan baik, sabar serta ikhlas bukan sahaja mendapat ganjaran pahala di dunia, malah di akhirat juga. Peranan guru sebagai *murabbi*, *muaddib*, *muallim*, *mursyid* dan *mudarris* seperti yang disebut oleh Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2010), perlu di laksanakan bukan hanya dalam pengajaran dalam kelas, malah diluar kelas seperti aktiviti ko-kurikulum ini bagi melahirkan murid-murid yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sahsiah.

Tanggungjawab bagi mendidik dan memupuk nilai-nilai akhlak yang baik sangat perlu dititik beratkan oleh guru-guru. Nilai-Nilai akhlak perlu menjadi agenda utama dalam pembangunan negara, pembangunan pendidikan, penggubalan dan pelaksanaan kurikulum, polisi dan dasar pembangunan sekolah dan mencorakkan peranan dan tanggungjawab guru. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Secara ringkasnya kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pihak-pihak tertentu seperti berikut:

i. Kementerian Pendidikan (Bahagian Perkembangan Kurikulum)

Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi maklumat tentang perlaksanaan ko-kurikulum yang disampaikan di sekolah-sekolah selama ini memberikan kesan terhadap akhlak murid. Sikap dan tingkah laku murid terhadap aktiviti ko-kurikulum yang dikenal pasti dapat memberi maklumat tentang tahap penghayatan akhlak murid. Seterusnya, inisiatif yang melibatkan aspek ko-kurikulum boleh dibuat penambahbaikan sejajar dengan matlamat pendidikan dalam pembentukan nilai dan akhlak murid.

ii. Ahli-ahli akademik dan pusat pengajian tinggi

Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai satu daripada rujukan empirikal (tentang aktiviti ko-kurikulum dan kesannya terhadap akhlak murid) bagi ahli-ahli akademik menilai semula kepentingan aktiviti ko-kurikulum ini di sekolah.



iii. Pihak sekolah

Nilai akhlak yang ditunjukkan oleh murid-murid ketika ko-kurikulum diharapkan dapat memberi impak positif kepada pihak sekolah untuk merancang program-program serta aktiviti yang lebih bermakna kepada murid di sekolah.

iv. Ibu bapa dan masyarakat

Hasil kajian ini juga perlu disampaikan kepada ibu bapa dan masyarakat supaya mereka dapat memberi perhatian terhadap kepentingan aktiviti ko-kurikulum dan supaya ibu bapa dapat memberikan kerjasama kepada pihak sekolah semasa aktiviti ini diadakan di sekolah.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pembentukan nilai akhlak dalam aktiviti ko-kurikulum di Sekolah Menengah Sains Tapah, Perak adalah sangat baik dan memuaskan. Guru-guru juga memainkan peranan dalam menerapkan nilai akhlak yang baik kepada murid-murid semasa aktiviti ko-kurikulum dijalankan.

Terdapat pelbagai kelebihan dan kebaikan dalam pelaksanaan ko-kurikulum dalam pendidikan di sekolah. Kementerian juga menetapkan setiap murid mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya 1 sukan, 1 kelab dan 1 badan beruniform bagi membina bakat dan memupuk minat, di samping membentuk kemahiran kepimpinan. Data yang diperoleh menunjukkan kadar penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum adalah tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Berdasarkan kepada sistem pendidikan negara yang telah melakukan perubahan yang besar kepada aktiviti ko-kurikulum menjadikan ko-kurikulum adalah satu perkara yang wajib untuk di ambil berat oleh setiap remaja. Tahap kesedaran remaja terhadap perubahan sistem pendidikan negara harus dicermati dan ditekankan di dalam jadual pembelajaran mereka serta pelaksanaannya perlulah dirancang dengan rapi dan dijalankan dengan lebih serius oleh semua pihak. Segala kekangan dalam pelaksanaannya sama ada dari segi latihan guru, kemudahan peralatan, infrastruktur, sokongan, kewangan dan sebagainya perlu di atasi segera. Ini adalah penting supaya pelaksanaan ko-kurikulum dalam pendidikan dapat mencapai objektifnya dan berjaya melahirkan generasi yang berpendidikan tinggi serta berakhlak mulia.

## RUJUKAN

- Ab.Alim Abd Rahim. (2004). *Pengurusan Gerak Kerja Ko-kurikulum*. Selangor: Penerbit Oxford Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus Disiplin*. Pahang: PTS Publishing Sdn.Bhd.
- Adnan Kamis. (1988). *Nilai-Nilai Murni dalam Aktiviti Ko-kurikulum Pergerakan Beruniform Ke Arah Menghasilkan Insan yang Mantap lagi Seimbang Menurut Falsafah KBSM*. Kertas kerja Seminar Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Ahmad Esa. ( 2005). *Perkasakan Ko-kurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid. (2005). *Pemantapan Adab dan Akhlak Islam Dalam Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes Di Selangor*. Jurnal CITu (Centre for Islamic Thought And understanding) UITM.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Dan Distributors Sdn. Bhd.
- Bahagian Sukan, Seni dan Ko-kurikulum (BSSK), KPM. (2009). *Buku Panduan Pengurusan Ko-kurikulum*. Kuala Lumpur: A.G Grafik, Sdn. Bhd.

- Chin Pek Lian, Low Li Chuen dan Vivian Low Yen Yeong (2005). *Masalah Disiplin Pelajar, Pendekatan Dan Penyelesaian*. Skudai : UTM
- Hamedah Wok Awang & Normah Teh. (2009). *Sekolah sebagai Pembangun Modal Insan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Jamaluddin Badusah. (2009). *Memperkasa Ko-Kurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Putra Malaysia
- J.M Stuber, (2009). Class, culture, and participation in the collegiate extra-curriculum. *Sociological Forum*, 24, 877–900. doi:10.1111/j.1573-7861.2009.01140.x
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2010). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Baru : Penerbit UTM Press.
- Nor Suhara Haji Fadzil & Jamil Bin Ahmad. (2010). Kepentingan Ko-kurikulum Dalam Pendidikan di Sekolah Menengah. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI*. Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010
- Omarin Ashaari. (1996). *Pengurusan Ko-kurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Petro Marais. (2011). The significance of Student Teachers' Involvement in Co-curricular Activities. *International Journal For e-Learning Security (iJeLS)*, Vol 1. Issues 3/4. September/ December 2011.
- R. Iucu, & M. Platis, (2012). Extra-Curriculum Activities – Challenges and Opportunities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. doi:10.1016/j.sbspro.2012.06.235
- R.W Mahoney, R.W Larson, J.S Eccles, & H. Lord. (2005). *Organized Activities Ascontexts Of Development: Extracurricular Activities, After-School And Community Programs*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Tam Yeow Kwai. (2010). *Pengurusan Ko-kurikulum*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.